

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/1992

Mac/April 1992

JHL 241 - Kesusasteraan Melayu Bercorak Islam Di Nusantara

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

... 2/-

1. Bincangkan dengan terperinci mengenai Cerita-Cerita Berbingkai. Daripada Hikayat Bayan Budiman bincangkan watak Bibi Zainab, watak Bayan dan watak burung Tiong.
(25 markah)

2. "Cerita-cerita tentang Nabi Muhammad s.a.w. adalah karya yang paling tua usianya jika dibandingkan dengan karya kesusasteraan pengaruh Islam yang lain kerana cerita-cerita seperti ini tiba bersama-sama kedatangan Islam ke daerah ini. Cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad s.a.w. ini memperkatakan tentang ketokohnanya, sifat-sifatnya yang ideal, peristiwa-peristiwa yang luar biasa mengenai dirinya sebagai pesuruh Allah dan lain-lain cerita lagi." Huraikan dengan ringkas cerita-cerita mengenai Nabi Muhammad s.a.w. itu.
(25 markah)

3. Daripada Syair Siti Zubaidah Perang China dapat diambil beberapa pengajaran. Bincangkan pengajaran-pengajaran yang dapat diteladani daripada watak Siti Zubaidah.
(25 markah)

4. Bincangkan tentang teknik penyampaian Kitab Seribu Masail (Kitab Seribu Masalah).
(25 markah)

5. Huraikan dengan terperinci mengenai tokoh-tokoh Ulama-Pujangga di bawah ini. Pilih dua (2) sahaja.
 - (i) Hamzah Fansuri dan konsep Wahdatul wujud
 - (ii) Syekh Nuruddin al-Raniri dan Sirat al-Mustaqim
 - (iii) Bokhari al-Johari dan Taj al-Salatin
 - (iv) Abdurrauf Singkel atau Syekh Kuala
(25 markah)

6. Nyatakan dengan jelas ciri-ciri sebuah epik. Daripada pernyataan itu kaitkan dengan Hikayat Iskandar Zulkarnain bagi membuktikan bahawa hikayat tersebut adalah sebuah epik.
(25 markah)

7. Kesan dari pengaruh kesusasteraan yang dibawa dari Timur Tengah telah lahir bentuk-bentuk baru dalam puisi Melayu seperti syair, rubai, kit'ah, ghazal, bayt, nazam, masnawi dan qasidah (Barzanji)
Pilih tiga (3) daripada jenis puisi yang tersebut itu dan bincangkan.
(25 markah)

ooooOooo